

## PERJUANGAN ULAMA ISLAH TEMPATAN PADA AWAL ABAD KE 20 DALAM USAHA MEMURNIKAN PEMIKIRAN ORANG- ORANG MELAYU DI MALAYSIA

Mustaffa bin Abdullah\*

### Abstrak

Makalah ini membincangkan pendekatan islah yang dilakukan oleh ulama islah tempatan dalam memurnikan pemikiran dan memantapkan intelektual orang-orang Melayu. Persoalan penting yang dibincangkan ialah merujuk kepada pandangan dan huraian yang dikemukakan ulama islah berhubung isu-isu yang berlaku dalam masyarakat. Ia secara langsung memberi kesan kepada usaha memurnikan pemikiran dan memantapkan intelektual orang-orang Melayu.

### *THE STRUGGLES OF LOCAL MUSLIM REFORMIST SCHOLARS IN THE EARLY OF TWENTIETH CENTURY TO PURIFY THE MALAYS THOUGHT IN MALAYSIA*

### Abstract

*This article discusses the approach used by the Malay reformist scholars in order to reform their people thought and to upgrade their intellectual capability. The main topic that have been discussed was the reformist ideas related with the interpretation of the current issues happening in the society. It directly gives result towards the effort in empowering the Malays intellectually.*

### Pendahuluan

Secara umum dapat ditegaskan bahawa gerakan **islah**<sup>140</sup> di Alam Melayu **amnya** dan di Malaysia khasnya telah dicetuskan oleh ulama islah tempatan yang mendapat pendidikan

---

\* Dr. Mustaffa bin Abdullah adalah Prof. Madya merangkap Ketua Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>140</sup> Perkataan Islah didefinisikan oleh Ibn Manzur sebagai menghilangkan kerosakan atau mendirikan semula sesuatu yang telah runtuh. Ibn Manzur (t.t), *Lisan al-Arab*, jld. 4, Beirut: Dar al-Ma`arif, h 2479. Manakala dari segi istilah ia merujuk kepada usaha mengembalikan sesuatu keadaan kepada sesuatu keadaan yang betul, tepat dan sesuai. Perkataan islah dalam al-Quran secara langsung memberi kefahaman bahawa umumnya ia merujuk kepada sesuatu perkara yang berubah daripada keburukan kepada kebaikan. Al-Raghib al-Asfahani (t.t), *al-Mufradat fi Gharib al-Qur'an*, Mesir: al-Maktabah al-Tawfiqiyah, h. 289. Contohnya Surah Hud (11):88, Surah Hujurat (49):9 dan 10. Kalimah "Islah" membawa maksud pembaikan, pencegahan daripada kerosakan dan pemulihan, perubahan kepada persekitaran yang baik, serta pembaharuan dan

dari Timur Tengah. Idea-idea islah yang tersebar di Mesir hasil usaha Sayyid Jamal al-Din al-Afghani, Syaykh Muhammad `Abduh dan Sayyid Muhammad Rasyid Rida yang dinobatkan sebagai *Hujjah al-Islam* oleh umat Islam di Alam Melayu<sup>141</sup> diikuti dan disebarkan kepada masyarakat tempatan dengan penuh sedar.

Pemikiran yang dikemukakan oleh mereka mendapat tempat dan memberi kesan yang besar kepada perkembangan intelektual para ulama di Alam Melayu. Kenyataan ini dapat dibuktikan menerusi aktiviti-aktiviti islah yang dilakukan oleh para ulama di Tanah Melayu pada awal abad ke 20. Mereka memerah keringat dan berusaha gigih memurnikan pemikiran orang-orang Melayu dengan penerapan ajaran Islam yang sebenar. Masyarakat digesa mengikuti *al-Sirat al-Mustaqim* yang dibawa oleh Islam kerana ini satu-satunya jalan yang mampu membawa manusia untuk kesempurnaan hidup di dunia maupun di akhirat. Bagi mencapai tujuan ini, para ulama islah menyeru masyarakat Islam supaya memahami, menghayati dan mempraktikkan ajaran Islam dengan sebenar.

Para ulama islah cuba membawa perubahan terhadap kehidupan masyarakat Islam dengan mengambil aspek keagamaan sebagai teras perjuangan. Kelemahan dalam aspek keagamaan inilah menjadi punca yang menyebabkan terbantutnya perkembangan dalam bidang-bidang kehidupan yang lain termasuklah pendidikan, ekonomi, sosial dan politik. Harapan besar ini tidak mampu dicapai melainkan setelah umat Islam memiliki pemikiran yang murni, tanggapan yang jelas dan kefahaman yang mendalam tentang ajaran Islam yang diperjuangkan oleh para ulama islah pada awal abad ke 20 di Malaysia.

## Hubungan ulama Islah Melayu Dengan Reformis Timur Tengah

Pada awal abad ke 20 senario pengajian pelajar-pelajar Melayu mula berubah di mana Mesir muncul sebagai destinasi baru dan menjadi pusat pengajian ilmu Islam. Kunjungan pelajar-pelajar Melayu ke Mesir adalah untuk mendalami ilmu agama setelah menamatkan pengajian di Mekah. Malah kemunculan Mesir sebagai destinasi ilmu disebabkan kemunculan Universiti al-Azhar yang dianggap sebagai *Manar al-`Ilm* dan *Ka`bah al-`Ilm* (Menara atau Kiblat Ilmu) bagi dunia Islam<sup>142</sup> dan disifatkan oleh Hurgronje sebagai institusi pengajian agama yang berprestij.<sup>143</sup>

---

pembangunan serta tuntutan untuk mewujudkan perdamaian dan keamanan. "Aku tidak berkehendak melainkan melakukan Islah (pembaikan) sedaya-upayaku dan tidak ada taufiq bagiku melainkan daripada Allah. Kepada-Nyalah aku bertawakkal dan kepada-Nyalah aku akan kembali" (Hud:88).

<sup>141</sup> *Malaya*, Bil. 1, Tahun 3, Mac 1931, h. 11.

<sup>142</sup> M. S. Muhammad, "al-Azhar Kiblat Pengajaran Dunia Islam", *Qalam*, Bil. 4, November 1950, h. 3.

<sup>143</sup> Abdul Halim Ahmad (1984), "*Pendidikan Islam di Kelantan*", dalam Khoo Kay Kim (ed.) *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, h. 46.

Para pelajar perintis yang datang ke Mesir mengambil inisiatif dengan menulis kepada majalah *Neraca* supaya menyiarkan maklumat tentang peluang-peluang pembelajaran yang terdapat di al-Azhar. Selain itu promosi daripada Universiti al-Azhar sendiri yang menghantar Shaykh al-Azhar ke Tanah Melayu pada Oktober 1924 untuk menerangkan tentang kelebihan pengajian peringkat tinggi di al-Azhar kepada masyarakat Melayu dan memberi sokongan kepada mereka yang memilih untuk belajar di pusat pengajian tersebut.<sup>144</sup>

Walaupun al-Azhar berusaha menambah bilangan pelajar Melayu supaya menyambung pelajaran di Universiti al-Azhar bermula daripada abad ke 20, namun hal ini hanya berlaku selepas perang dunia pertama atau lebih tepat di awal tahun 1920-an setelah meningkatnya harga getah dalam pasaran dunia.<sup>145</sup> Keadaan ini membolehkan anak-anak Melayu dihantar meneruskan pengajian di Universiti al-Azhar.

Faktor penting yang menarik minat pelajar Melayu menyambung pelajaran ke Mesir ialah sistem pendidikan di Universiti al-Azhar yang dianggap lebih baik berbanding sistem pengajian di Mekah. Malah kelahiran banyak madrasah di Tanah Melayu pada awal abad ke 20 terus merancakkan lagi trend ini. Contohnya di Kelantan, bilangan pelajar ke Mesir meningkat ekoran Madrasah Muhammadi di Kota Bharu, Kelantan yang dibuka pada tahun 1917 mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat. Begitu juga di Pulau Pinang, setelah Madrasah al-Misriyyah yang dibuka pada tahun 1906 dan Madrasah al-Mashhor yang dibuka pada tahun 1919 menjadi terkenal, menyebabkan para pelajarnya menyambung pelajaran mereka ke Universiti al-Azhar.<sup>146</sup>

Salah satu faktor utama yang wajar diketengahkan di sini ialah, ketinggian **intelektual** yang ada pada para ulama al-Azhar yang sesungguhnya menjadi tarikan kepada umat Islam termasuk pelajar-pelajar Melayu memilih al-Azhar sebagai tempat pengajian. Tambahan pula beberapa pembaharuan yang diperkenalkan oleh al-Azhar seperti mewujudkan pengkhususan dalam bidang pengajian akademik dan memperluaskan skop pengajian kepada sains dan sastera dan tidak hanya berorientasikan ilmu teologi sahaja.<sup>147</sup> Gandingan keintelektualan ulama al-Azhar, termasuk Syaykh Muhammad `Abduh dan ketokohan murid-muridnya seperti Sayyid Muhammad Rasyid Rida menjadi daya tarikan kepada pelajar-pelajar khususnya di Alam Melayu untuk meneruskan pengajian di al-Azhar.

Kepulangan lulusan daripada Timur Tengah, khususnya al-Azhar dan Madrasah al-Da`wah wa al-Irsyad yang diasaskan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida sendiri, menyebabkan pengaliran masuk aliran pembaharuan Islam ke Malaysia dan Alam Melayu, malah menurut Peter Riddell institusi ini menyediakan model terbaik kepada

---

<sup>144</sup> *Ibid.*, h. 47.

<sup>145</sup> William Roff (1975), *The Origin of Malay Nationalism*, h. 88, N.J Ryan (1969), *The Making of Modern Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 173-176.

<sup>146</sup> N.J Ryan (1969), *ibid.*, h. 48.

<sup>147</sup> Abdul Aziz Mat Ton (2001), *Politik al-Imam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 161-162.

reformis tempatan berkhidmat menyebarkan idea pembaharuan Islam setelah kembali ke tanah air.<sup>148</sup>

Pelopor awal yang mengembangkan idea pembaharuan Islam di Malaysia ialah Syaykh Tahir Jalaluddin al-Azhari<sup>149</sup> yang mendapat pendidikan di Universiti al-Azhar dan mempunyai hubungan yang rapat dengan para reformis<sup>150</sup> dari Asia Barat khususnya Sayyid Muhammad Rasyid Rida.<sup>151</sup> Setelah kembali dari Mesir, Syaykh Tahir Jalaluddin menjalankan kegiatannya di Singapura yang menjadi pusat perhubungan di antara Indonesia dan Malaysia. Beliau bersama rakan-rakannya iaitu Syaykh Mohd Salim al-Khalali,<sup>152</sup> Sayyid Syaykh al-Hadi dan Haji Abbas Mohd Taha<sup>153</sup> yang mempunyai

---

<sup>148</sup> Peter Riddell (2001), *Islam and the Malay Indonesian World*, Singapore: Horizon Books, h. 88.

<sup>149</sup> Syaykh Tahir Jalaluddin al-Azhari adalah seorang anak tempatan dari Alam Melayu. Beliau dilahirkan di Kota Tua, Ampek Angkek, di Tanah Minangkabau, Sumatera Barat pada 4 Ramadan 1286H bersamaan 7 Disember 1869. Mendapat pendidikan awal daripada bapanya dan ketika berusia sebelas tahun, Syaykh Tahir Jalaluddin telah dihantar oleh keluarganya menuntut ilmu di Mekah dan di sana beliau diawasi oleh sepupunya, Syaykh Ahmad Khatib seorang imam di Masjid al-Haram. Ada sumber mengatakan Syaykh Tahir menghabiskan masa selama 15 tahun belajar di Mekah. Selain itu beliau juga pernah menuntut ilmu di Universiti al-Azhar dari tahun 1895-1897, kemudian beliau kembali ke Mekah dan tinggal di sana sehingga tahun 1899. Pernah dilantik menjadi Mufti negeri Perak dan pengasas majalah *Al-Imam* yang diterbitkan di Singapura. Mohd. Sarim Hj. Mustajab (1977), "Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki: Pelopor gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu" dalam *Malaysia in History*, vol. 20, no. ii, Disember 1977, h. 5-6, William R. Roff (1967), *The Origins of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press. h. 59-60.

<sup>150</sup> Reformis bermaksud: golongan yang memperjuangkan ajaran Islam yang murni. Aliran reformisme ini sangat menekankan islah, tajdid, menentang taklid dan menggalakkan ijtihad dalam menghadapi isu-isu semasa. Walaupun menyamai aliran modernisme yang mendukung konsep rasionalisme namun ada perbezaannya kerana aliran reformisme hanya berijtihad dalam hal-hal yang kurang jelas (zanniyyah) kedudukan hukumnya, sedangkan aliran modenisme dengan prinsip berpegang kepada akal, berijtihad tanpa batas hingga memasuki hal-hal yang sudah jelas (qat'iyyah) hukumnya. Abdul Rahman Haji Abdullah (1998) *Pemikiran Islam di Malaysia Sejarah dan Aliran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 13-14.

<sup>151</sup> Abdul Aziz Mat Ton (2001), *Politik al-Imam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 159-165, Syamsu As, H Muhammad (1999) *Ulama Pembawa Islam di Indonesia dan Sekitarnya*, Jakarta: Lentera, h. 124, Mohd Sarim Mustajab (1977), "Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki: Pelopor gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu" dalam *Malaysia in History*, vol. xx, no. ii, Disember 1977, h. 5-6. Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin sering berutus surat dengan Sayyid Muhammad Rasyid Rida samada untuk mendapat buku-buku yang diterbitkan oleh percetakan *al-Manar* atau meminta pendapat beliau berhubung beberapa masalah agama. Lihat surat persendirian Syaykh Tahir Jalaluddin di Arkib Negara, Senarai SP Sheikh Tahir SP 10/E-6, 675, 677, 690, 698, 715, 716, 719, 758, 759 & 788.

<sup>152</sup> Syaykh Mohd Salim al-Khalali adalah penduduk Singapura berketurunan Aceh Hadrami. Beliau adalah seorang saudagar yang menjalankan perdagangan secara intensif di antara kepulauan Melayu dengan Negara Arab dan banyak memberikan sumbangan kewangan bagi penerbitan majalah *Al-Imam*. Lihat *Al-Imam*, Bil. 9, Jil. 2, 5 Mac 1908, h. 291-293, William R. Roff (1967), *op.cit.*, h. 64-65. Hamed Mohd Adnan (2002), *Direktori Majalah-Majalah Melayu Sebelum Merdeka*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 71.

hubungan yang rapat dengan Timur Tengah<sup>154</sup> menerbitkan majalah *Al-Imam*<sup>155</sup> untuk menyebarkan idea-idea pembaharuan Islam seperti yang tersebar di Mesir.<sup>156</sup> Manakala sahabatnya Haji Abdullah Ahmad dan Haji Abdul Karim Amrullah menerbitkan majalah *al-Munir* (1911-1915)<sup>157</sup> di Padang Sumatera Barat, Indonesia<sup>158</sup> yang isi kandungannya juga memuatkan idea-idea yang terdapat di dalam *al-Urwah al-Wuthqa*<sup>159</sup> dan *al-*

---

<sup>153</sup> Haji Abbas b. Mohd Taha dilahirkan di Tanjung Pagar, Singapura pada tahun 1885 dan kemungkinan berasal dari keturunan Minangkabau. Menghabiskan masa mudanya dengan menuntut ilmu di Mekah sebelum kembali ke Singapura pada tahun 1905. Bertugas sebagai guru agama dan pada tahun 1906 beliau telah menerbitkan koleksi adaptasi dan terjemahan tulisan-tulisan yang berupa nasihat dan risalah-risalah pelajaran Mesir dan Syria dengan judul *Sempurnaan Pelajaran*. Ditugaskan sebagai editor dan pengarang majalah *Al-Imam* pada bulan Mac 1908 yang sebelumnya dipegang oleh Syaykh Tahir, di mana pada peringkat awal beliau hanya berperanan sebagai pembantu editor majalah tersebut. *Al-Imam*, Bil. 9, Jil. 1 16 Mei 1907, h. 292, Bil. 9, Jil. 2, 5 Mac 1908, h. 291-294, dan Bil. 1, Jil. 2, 12 Julai 1907, h. 2, Mohd. Sarim Hj. Mustajab (1978), "Satu Nota Tentang Haji Abbas b. Mohd Taha", *Malaysia in History*, Vol. xxi, no. 1, Jun 1978, h. 1-7.

<sup>154</sup> William R. Roff (1967), *op.cit.*, h. h. 59.

<sup>155</sup> Majalah *Al-Imam* diterbitkan pada 23 Julai 1906 di Singapura dengan motto: Majallah Pelajaran, Pengetahuan, Perkhabaran. Pengelola *Al-Imam* ialah Syaykh Mohd Salim al-Kalali (1906), Hj. Abbas Mohd Taha (1906-1908), sementara sidang pengarang terdiri daripada Syaykh Mohd Tahir Jalaluddin al-Azhari (1906-Mac 1908), Sayyid Syaykh al-Hadi (1906-1908) dan Hj. `Abbas Mohd Taha (Mac – Disember 1908). Walau bagaimanapun penerbitannya terpaksa dihentikan pada tahun 1909, kerana tidak dapat bersaing dengan penerbitan ahkbar-akhbar tempatan. Lihat *Al-Imam*, Bil. 1, Jil. 1, 23 Julai 1906, h. 1-9, Hamka (1967), *Ajahku*, Jakarta: Penerbit Djajamurni, h. 94, Mohd Thani Ahmad (1991), "*Al-Imam*", dalam *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 8.

<sup>156</sup> N.J.Ryan (1969), *op.cit.*, h. 210, Zakaria@ Mahmood Daud *et al.* (1986), "Pemikiran Muhammad `Abd al-Wahhab dan Pengaruhnya kepada dunia Islam dalam Bidang `Aqidah dan Politik" dalam *Tokoh-Tokoh Pemikir Dakwah*, h. 82-83.

<sup>157</sup> Majalah *al-Munir* diterbitkan pada 1 April 1911 di Padang Pandjang, Sumatera Barat. Matlamat kelahiran *Al-Munir* ialah memberi penerangan tentang hakikat agama, membersihkan waham dan prasangka, menangkis serangan yang bukan-bukan, membenters kebodohan tentang agama dan yang utamanya ialah membaiki iktikad dan kepercayaan, juga menjaga kesetiaan kepada pemerintah. Penerbitan Majalah *al-Munir* menghadapi masalah keewangan menyebabkan ia terpaksa ditutup pada tahun 1915. Setelah terbentuknya perikatan "Sumatera Thawalib" pada tahun 1918 di Padang Pandjang, ia diterbitkan semula dengan nama *al-Munirul Manar* di bawah pimpinan Zainuddin Lenai Eljunusi, sebagai pengarang, di Bantu oleh A.R Sultan Mansur, H. Dt. Batuah dan lain-lain, tetapi majalah ini hanya bertahan sehingga tahun 1922 sahaja. Lihat Hamka(1967), *op.cit.*, h. 95-96, 104, H. Aboebakar Atjeh (1970), *Salaf, Muhji Atsaris Salaf Gerakan Salafijah di Indonesia*, h. 126, Deliar Noer (1973), *The Modernist Muslim Movement in Indonesia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 39-40.

<sup>158</sup> Ensiklopedi Islam, Jil. 4, Jakarta: Pt Ichtiar Baru Van Hoeve, h. 164, Mohd. Radzi Othman *et al.* (1996), *Gerakan Pembaharuan Islam, Satu Kajian di Negeri Perlis dan Hubungannya dengan Malaysia, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia*, h. 29, Hamka, (1967), *op.cit.*, h. 95, D. Noer (1973), *op.cit.*, h. 34-35, Mohd. Sarim Hj. Mustajab (1979), "Gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu 1906-1948", *op.cit.*, h. 154.

<sup>159</sup> Abu Bakar Hamzah (1993), "Aspek Politik Gerakan Fundamental Islam di Malaysia pada 1906-08", *Tamadun Melayu*, Jil. 1, h. 370.

*Manar*.<sup>160</sup> Majalah ini tersiar diseluruh Sumatera, Jawa, Sulawesi, Kalimantan dan Malaya.<sup>161</sup> Justeru kelahiran majalah-majalah islah ini telah membantu mempercepatkan lagi proses pemindahan idea pembaharuan Islam yang diperjuangkan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida dan membawa pengaruh yang besar kepada kesedaran umat Islam di Alam Melayu.<sup>162</sup>

Majalah *Al-Imam* dilihat menyerupai *al-Manar*,<sup>163</sup> dan ini didorong oleh beberapa faktor antaranya, para penulis dan penyumbang artikel *Al-Imam* secara umumnya adalah daripada golongan yang telah terpengaruh dengan aliran pembaharuan Islam. Kandungan *Al-Imam* menyiarkan rencana-rencana<sup>164</sup> termasuk Tafsir al-Qur'an<sup>165</sup> yang diterjemahkan daripada bahasa Arab khususnya daripada majalah *al-Manar*.<sup>166</sup> Tambahan pula Syaykh Mohd Tahir Jalaluddin mempunyai hubungan yang rapat dengan Sayyid Muhammad Rasyid Rida<sup>167</sup> yang menerbitkan *al-Manar* pada tahun 1889 di Mesir, malah Syaykh Mohd Tahir Jalaluddin dikatakan turut menyumbangkan rencana untuk *al-Manar*.<sup>168</sup> Melalui hubungan ini, idea-idea pembaharuan Islam yang diperjuangkan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida telah meresap masuk dalam diri beliau dan akhirnya tersebar dalam masyarakat Islam di rantau ini.<sup>169</sup> Proses transmisi ini berlaku secara drastik memandangkan majalah *al-Imam* yang diterbitkan di Singapura mempunyai wakil penjualnya di merata tempat di Alam Melayu.<sup>170</sup>

Selain itu, ada juga lulusan Timur Tengah yang menuntut di Mekah, terpengaruh dengan idea pembaharuan Islam Sayyid Muhammad Rasyid Rida, antaranya Haji Mohd. Yusuf bin Muhammad (Tok Kenali 1868-1933) yang belajar di Mekah selama 20 tahun, tetapi pernah mengunjungi Mesir. Beliau terpengaruh dengan pemikiran tokoh itu menerusi pembacaan majalah *al-Urwah al-Wuthqa*, *Majalah al-Manar* dan *Tafsir al-Manar*. Idea pembaharuan Islam yang difahaminya dikembangkan kepada masyarakat Melayu

---

<sup>160</sup> William R. Roff (1967), *op.cit.*, h. 58-59.

<sup>161</sup> Hamka (1967), *op.cit.*, h. 97.

<sup>162</sup> D. Noer (1973), *op.cit.*, h. 31-33, Hamka (1967), *op.cit.*, h. 111.

<sup>163</sup> William R. Roff (1967), *op.cit.*, h. 59.

<sup>164</sup> Hamed Mohd Adnan (2002), *op.cit.*, h. 23.

<sup>165</sup> *Al-Imam*, Bil. 3, Jil. 3, 29 Ogos 1908, h. 87-92, William R. Roff, *op.cit.*, h. 59.

<sup>166</sup> *Ibid.*, Bil. 2, Jil. 30 Julai 1908, h. 65-67, Bil. 3, Jil. 3, 29 Ogos 1908, h. 87-92.

<sup>167</sup> William Roff (1967), *op.cit.*, h. 60, Hamka (1967), *op.cit.*, h. 94, C.C. Adams (1933), *Islam and Modernism in Egypt*, London: Oxford University Press, h. 180, Mohd. Sarim Hj. Mustajab, "Syekh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki: Pelopor gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu" *Malaysia in History*, vol. xx, no. ii, Disember 1977, h. 2, Ismail Hamid (1985), *op.cit.*, h. 84.

<sup>168</sup> William R. Roff, (1967), *op.cit.*, h. 60-61.

<sup>169</sup> Joginder Singh Jessy, *Sejarah Tanah Melayu 1400-1959*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 304, Abdul Halim El-Muhammady (1982), *Pengaruh Madhhab Shafi'i dan Masalah Kaum Muda di Malaysia*, T.T.P: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, h. 33.

<sup>170</sup> Wakil-wakil penjual majalah *Al-Imam* diperincikan oleh Abdul Aziz Mat Ton. Lihat Abdul Aziz Mat Ton (2001), *op.cit.*, h. 170, Hamka (1967), *op.cit.*, h. 92-93.

menerusi Majalah *Pengasoh*<sup>171</sup> yang berjuang menegakkan unsur-unsur pembaharuan Islam di Malaysia. Begitu juga Hj. Wan Musa bin Hj. Abdul Samad yang mendapat pendidikan di Mekah dan tidak pernah belajar di Mesir, tetapi terpengaruh dengan aliran pembaharuan Islam Syaykh Muhammad `Abduh dan Sayyid Muhammad Rasyid Rida menerusi pembacaan karya-karya yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh tersebut.<sup>172</sup>

Gerakan pembaharuan Islam di Malaysia terus aktif apabila Syaykh Tahir Jalaluddin membawa Sayyid Syaykh al-Hadi<sup>173</sup> dari Riau ke Singapura dan dilantik sebagai pengarang *Al-Imam*. Selain daripada menerbitkan majalah islah, pemimpin gerakan islah ini mendirikan sekolah-sekolah di Singapura untuk mendidik orang-orang Melayu supaya mendapat ilmu pengetahuan dan pelajaran.<sup>174</sup>

Sementara itu, Sayyid Syaykh al-Hadi bergiat dalam lapangan penulisan sebagai satu saluran yang penting untuk menyalurkan idea-idea pembaharuan Islam dalam kalangan orang-orang Melayu. Beliau bersama rakan-rakannya menerbitkan akhbar *Neracha*

---

<sup>171</sup> Majalah *Pengasoh* diterbitkan pada 11 Julai 1918 di Kota Bharu Kelantan dan dikategorikan sebagai majalah agama dengan motto: Warta Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan. Penerbitnya ialah Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan. Pengarang kehormatannya ialah Hj. Muhammad Yosof Ahmad @Tok Kenali (1918), manakala ketua pengarang ialah Dato' Hj. Muhammad Mohd Said (1918). Pengarang yang menyumbang artikel ialah Hj. Awang Kenali dan lain-lainnya adalah daripada anggota Majlis Ulama dan Majlis Ugama Islam Kelantan (1918-1933), Hj. Ahmad Mahir Hj. Ismail (1933-1935), Hj. Wan Mahmud Wan Daud (1935-1937), manakala penolong pengarangnya ialah Hj. Ahmad Said Jamaluddin, Muhammad Ghazali Ariffin (1918). Majalah ini diterbitkan dalam edisi jawi dan mengandungi 8 halaman (1918), 12 halaman (1921), 12 halaman (1932), 20 halaman (1935). Ia diterbitkan secara dwi mingguan (1918), mingguan, setiap isnin (1932), mingguan, setiap khamis (1934-1941). Walau bagaimanapun penerbitannya dihentikan pada 23 Disember 1937 dan diterbitkan semula selepas Perang Dunia Kedua pada Oktober 1946, tetapi menggunakan bilangan yang baru. Majalah ini memuatkan tulisan-tulisan bercorak keagamaan. Antara ruangan yang lazim disiarkan ialah isu-isu agama semasa, soal jawab, fatwa, rencana, tafsir al-Qur'an dan hadis, tarikh, khutbah jumaat dan tokoh ulama. Lihat Hamed Mohd Adnan (2002), *op.cit.*, h. 75-76.

<sup>172</sup> Lihat Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Hassan (1983), *Islam di Kelantan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 17, 27, 29-30, Mohd. Radzi Othman et al. (1996), *Gerakan Pembaharuan Islam, Satu Kajian di Negeri Perlis dan Hubungannya dengan Malaysia*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, h. 30.

<sup>173</sup> Sayyid Syaykh bin Ahmad al-Hadi lebih dikenali dengan Syaykh al-Hadi. Beliau dilahirkan pada tahun 1862. Ibunya berbangsa Melayu tetapi bapanya adalah peranakan Melayu keturunan Hadrami. Mendapat pendidikan di Mekah dan di al-Azhar Mesir pada tahun 1894-1905M. Seorang tokoh reformis tempatan yang banyak berjasa kepada umat Melayu menerusi perjuangannya mematahkan kedudukan orang-orang Melayu khususnya dalam bidang pendidikan dan banyak menghasilkan karya islah. Meninggal dunia pada malam rabu di rumahnya di nombor 410, Jalan Jelutong, Mukim Jelutong, Pulau Pinang. Jenazahnya disemadikan di tanah perkuburan masjid Mukim Jelutong. Lihat Talib Samat (1992), *Syed Syeikh al-Hadi Sasterawan Progresif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1-29, Ibrahim bin Abu Bakar (1994), *Islamic Modernism in Malaya*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, h. 50-77.

<sup>174</sup> William R. Roff (1967), *op.cit.*, h. 63, Ismail Hamid (1985), *op.cit.*, h. 84.

(1911) dan majalah *Tunas Melayu* (1913). Disamping itu, Sayyid Syaykh al-Hadi turut menerbitkan buku-buku dan majalah seperti *Tarikh al-Islam*,<sup>175</sup> *al-Ikhwān*,<sup>176</sup> *Saudara*<sup>177</sup> dan *Faridah Hanum*. Karya yang terakhir itu adalah dalam bentuk novel yang membakar semangat kebebasan bagi kaum wanita untuk menuntut ilmu. Kandungan karya itu dilihat ada persamaan dengan *al-Nida' li al-Jins al-Latif* yang dihasilkan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida.

Selain itu, gerakan penterjemahan karya-karya ulama islah dari Timur Tengah yang berlaku di Alam Melayu turut menyumbang ke arah perkembangan pengaruh pembaharuan Islam ini. Contohnya Sayyid Syaykh al-Hadi menerbitkan terjemahan karya-karya Syaykh Muhammad `Abduh seperti *Tafsir al-Fatihah*, dan *Tafsir Juz Amma, Agama Islam dan Akal*.<sup>178</sup> Abdullah Basmeh dan Jaafar Albar menterjemah sebuah tulisan Sayyid Muhammad Rasyid Rida, tajuk terjemahannya ialah *Wakil Rakyat Dalam Islam*.<sup>179</sup> Manakala di Indonesia Muhammad Basyuni `Imran menterjemah karya Sayyid Muhammad Rasyid Rida seperti *Khulasah al-Sirah al-Muhammadiyah-Hakikat Seruan Islam*,<sup>180</sup> *Tafsir Surat al-Fatihah* diterjemahkan oleh Musa Mahmud,<sup>181</sup> *al-Wahyu al-Muhammadi* diterjemahkan oleh M. Hashem dengan judul *Wahyu Allah Kepada Muhammad*<sup>182</sup> dan karya ini juga diterjemahkan oleh penulis lain seperti Ismail bin Mohd Hassan.<sup>183</sup> *Al-Nida' li al-Jins al-Latif* diterjemahkan ke Bahasa Melayu oleh Afif

---

<sup>175</sup> *Tarikh al-Islam* dihasilkan oleh Sayyid Syaykh al-Hadi dan diterbitkan pada tahun 1922 di Singapura dengan bilangan halaman sebanyak 250. Karya ini memuatkan cerita perjalanan ketua-ketua agama yang dahulu dan tindakan yang mereka ambil dalam melakukan perintah agama di alam ini. Ia dimulai dengan perbincangan tentang Nabi Muhammad s.`a.w. dan dikaitkan dengan perjalanan khalifah Islam. Lihat Mohd Nor bin Ngah (1983), *Kitab Jawi: Islamic Thought of The Malay Muslim Scholars*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, h. 3.

<sup>176</sup> *Majalah al-Ikhwān* adalah sebuah majalah bulanan berkonsepkan agama yang diterbitkan pada 16 September 1926 di Pulau Pinang, dengan motto: Majalah Pelajaran, Pengetahuan, Perhimpunan, Perkhawaran. Ia diterbitkan oleh Sayyid Syaykh al-Hadi, no 76, Acheen Street, Pulau Pinang (1926-1931). Walau bagaimanapun penerbitannya dihentikan pada 16 Disember 1931. Lihat *Majalah al-Ikhwān*, Penggal Pertama, Jil. 1, 16 September 1926, h. 1-4, Hamed Mohd Adnan (2002), *op.cit.*, h. 91-92.

<sup>177</sup> Mohd Radzi Othman *et al.*, (1996), *op.cit.*, h. 31.

<sup>178</sup> William R. Roff (1967), *op.cit.*, h. 83, Ismail Hamid (1985), *op.cit.*, h. 84.

<sup>179</sup> Muhammad Rashid Rida (1953), *Wakil Rakyat Dalam Islam*, Abdullah Basmeh *et.al* (terj.), Singapore: Qalam.

<sup>180</sup> Lihat Rasyid Rida (1932), *Khulasah al-Sirah al-Muhammadiyah-Hakikat Seruan Islam*, Muhammad Basyuni `Imran (terj.), Singapura: al-Matba`ah al-Ahmadiyyah, halaman pendahuluan.

<sup>181</sup> Sayyid Moh. Rasyid Ridla (t.t), *Tafsir Surah AlFatihah*, Musa Mahmud (terj.), Bandung: Pt. ALMa`arif.

<sup>182</sup> Muhammad Rasyid Rida (1977), *Wahyu Allah Kepada Muhammad*, M.Hashem (terj.), Surabaya: Balai Buku Surabaya.

<sup>183</sup> Muhammad Rashid Rida (1986), *Wahyu Suci Kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W*: Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.



Mohammad dengan judul *Panggilan Islam Terhadap Wanita*<sup>184</sup>. Usaha-usaha terjemahan yang dilakukan Sayyid Syaykh al-Hadi dan tokoh-tokoh lain menyebabkan aliran pembaharuan khususnya yang diperjuangkan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida tersebar pantas ke dalam masyarakat Melayu dan nusantara. Ini secara langsung memberi kesan yang besar dalam melahirkan intelektual dalam kalangan orang-orang Melayu.

Idea pembaharuan Islam yang diperjuangkan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida juga tersebar di Indonesia menerusi tokoh-tokoh yang terpengaruh dengan idea pembaharuan tersebut. Antaranya Syaykh Muhammad Djamil Djambek (m.1947)<sup>185</sup> yang mendapat pendidikan di Mekah dan merupakan rakan Syaykh Tahir Jalaluddin. Beliau banyak memberi sumbangan kepada gerakan Muhammadiyah dan Thawalib di Sumatera.<sup>186</sup> Begitu juga Haji Abdul Karim Amrullah<sup>187</sup> yang bergiat cergas dalam gerakan islah termasuk mengkritik pendukung adat tradisi lama di Minangkabau. Gerakan pembaharuan Islam yang dilakukan dengan gigihnya di Sumatera dipanggil Thawalib.<sup>188</sup> Pada mulanya gerakan ini hanya tertumpu kepada bidang pendidikan, tetapi akhirnya melahirkan sebuah parti politik Islam yang bernama Persatuan Muslimin Indonesia.<sup>189</sup> Selain itu muncul beberapa pertubuhan yang memainkan peranan penting untuk melahirkan kesedaran Islam dikalangan umat seperti Muhammadiyah, Sarekat Islam, Pertubuhan al-Islah, Pertubuhan al-Irsyad dan Persatuan Islam (Persis) yang menonjolkan ketokohan A. Hasan<sup>190</sup> sebagai salah seorang tokoh islah yang amat berpengaruh di Indonesia.

---

<sup>184</sup> Muhammad Rashid Rida (1986), *Panggilan Islam Terhadap Wanita*, Afif Mohammad (terj.), Bandung: Penerbitan Pustaka.

<sup>185</sup> Keterangan lanjut tentang Jamil Jambek, sila lihat Hamka(1967), *op.cit.*, h. 236-238, Deliar Noer (1973), *Modernist Muslim Movement in Indonesia* h. 35-37.

<sup>186</sup> Hamka (1967), *op.cit.*, h. 111.

<sup>187</sup> Deliar Noer (1973), *op.cit.*, h. 37-38.

<sup>188</sup> Gerakan Sumatera Thawalib dibincang dengan panjang lebar oleh beberapa orang sarjana Islam Indonesia seperti Prof. Dr. H. Aboebakar Atjeh, Hamka, Deliar Noer dan lain-lain. H. Aboebakar Atjeh (1970), *Salaf Muhji Atsaris Salaf, Salaf Muhji Atsaris Salaf Gerakan Salafijah di Indonesia*. Djakarta: Penerbit Permata, h. 93-101, Hamka, (1967), *op.cit.*, h. 110-111.

<sup>189</sup> D. Neor (1973), *op.cit.*, h. 50-52, Ismail Hamid (1985), *op.cit.*, h. 86.

<sup>190</sup> Hasan Bandung dilahirkan di Singapura dalam tahun 1887M. Bapanya bernama Ahmad (Sinna Vappu Marican, pengarang dan wartawan terkemuka di Singapura yang telah menerbitkan beberapa surat khabar berbahasa Tamil. Ibunya Hajjah Muznah, berasal dari Palekat, Madras, kelahiran Surabaya. Ibubapanya berkahwin di Surabaya, kemudian berpindah ke Singapura. Di bandar inilah lahir Hasan bin Ahmed yang kemudiannya dikenali dengan nama A. Hassan. Pada hari Isnin 10 November 1958, A. Hassan pulang ke rahmatullah di kota Bangil dalam usia 71 tahun. Lihat Mohd Radzi Othman, *Gerakan Pembaharuan Islam*, h. 30-32, Catatan sahabatnya (1958), Madrasah Persatuan Islam, dalam *Majalah Qalam*, Bil. 83, Jun 1957, h. 36-37, Memperingati Jasa-Jasa al-Ustaz Hasan Ahmad, dalam *Majalah Qalam*, Bil. 101, Disember 1957, h. 30-33. Lihat Abdul Rahman Haji Abdullah (1989), *Gerakan Islah di Perlis Sejarah dan Pemikiran*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn Bhd, h. 144-149.

Gerakan-gerakan Islam di atas khususnya Muhammadiyah yang ditubuhkan oleh Kiyai Haji Ahmad Dahlan<sup>191</sup> pada tahun 1912 dan Persatuan Islam (Persis) memperjuangkan aliran pembaharuan Islam yang lebih luas. Beliau juga menentang fahaman bid'ah dan khurafat serta mengkritik para pendukung adat di samping menggalakkan daya pemikiran baru dikalangan umat Islam dengan menekankan kepentingan ijtihad. Malah mereka juga menganjurkan umat Islam di Alam Melayu supaya menolak fahaman taklid yang terikat dengan mazhab Syafi'i dalam menentukan hukum Islam, malah gerakan ini berjaya menyebar pengaruhnya hingga ke Malaysia.<sup>192</sup> Apa yang diperjuangkan ini adalah amat selari dengan perjuangan Sayyid Jamal al-Din al-Afghani, Syaykh Muhammad `Abduh dan Sayyid Muhammad Rasyid Rida di Mesir.

Secara umum dapat ditegaskan bahawa gerakan pembaharuan Islam di alam Melayu amanya dan di Malaysia khasnya telah dicetuskan oleh reformis tempatan yang mendapat pendidikan dari Timur Tengah. Idea-idea pembaharuan Islam yang tersebar di Mesir hasil usaha Sayyid Jamal al-Din al-Afghani, Syaykh Muhammad `Abduh dan Sayyid Muhammad Rasyid Rida dikembangkan di rantau ini sekembalinya mereka ke tanahair. Ia diterima oleh sebahagian umat Islam tempatan secara terbuka, malah penerimaan itu turut menyerlahkan ketokohan dan keilmuan Sayyid Muhammad Rasyid Rida. Beliau juga diterima sebagai *Hujjah al-Islam* oleh umat Islam di Alam Melayu kerana berjasa kepada kemajuan agama Islam.<sup>193</sup>

## Agenda Ulama Islah Tempatan

Kefahaman agama yang sempit akibat daripada belunggu taklid merupakan salah satu faktor kemunduran umat Islam khususnya orang-orang Melayu. Justeru ulama islah mengambil inisiatif mengemukakan pandangan tajdid untuk memurnikan ajaran Islam seperti yang dilakukan oleh Syaykh Tahir Jalaluddin yang menulis surat terbuka kepada semua ulama menyentuh persoalan tersebut dan disiarkan dalam majalah *Al-Imam*.<sup>194</sup> Menurut mereka persoalan agama bukan hanya tertumpu kepada jenis-jenis ibadat yang

---

<sup>191</sup> Hj. Ahmad Dahlan dilahirkan di Kauman, Yogyakarta pada tahun 1868M (1868-1923). Nama timangan semasa kecil ialah Muhammad Darwis. Bapanya H.H. Abubakar adalah khatib Masjid Agung Yogyakarta (kesultanan). K.H. Ahmad Dahlan belajar mengaji di pondok sekitar tahun 1875. Berguru kepada ayahnya dan beberapa orang kiyai mempelajari bahasa Arab, ilmu-ilmu hadis, ilmu tawhid dan ilmu tafsir al-Qur'an. Beliau pernah tinggal di Mekah selama lima tahun. Dikesempatan itu beliau membaca tulisan-tulisan Jamal al-Din al-Afghani, Muhammad `Abduh dan Muhammad Rasyid Rida. K.H Ahmad Dahlan meninggal dunia pada 23 Februari 1923 dan disemadikan di Karangkajen, Jakarta. Lihat H. Aboebakar Atjeh (1970), *Salaf, Muhji Atsaris Salaf Gerakan Salafijah di Indonesia*, Jakarta: Penerbit Permata, h. 125-136, H. Muhammad Syamsu As. (1999), *op.cit.*, h. 285-287.

<sup>192</sup> Ismail Hamid (1985), *ibid.*, h. 86-87. Mohd Radzi Othman, *Gerakan Pembaharuan Islam*, h. 19.

<sup>193</sup> *Malaya*, Bil. 1, Tahun 3, Mac 1931, h. 11.

<sup>194</sup> Syaykh Tahir Jalaluddin (1906), "Surat Terbuka kepada Segala Ulama", *Al-Imam*, Bil. 1, Jil. 1, 23 Julai 1906, h. 8-9, dan *Utusan Melayu*, 22 Mei, 1941, h. 5.

berbentuk ritual semata-mata, tetapi bersifat menyeluruh. Ia melibatkan persoalan kehidupan yang selari dengan ajaran agama dan juga persoalan hidup selepas mati.<sup>195</sup>

Beberapa amalan yang berlaku di dalam masyarakat diukur berdasarkan piawaian al-Qur'an, hadis dan menganggap amalan agama yang tidak berasaskan kepada kefahaman akal perlu diperbetulkan.<sup>196</sup> Justeru itu, budaya taklid buta tidak diterima dan mereka berpendapat sebahagian ajaran Islam yang diamalkan oleh masyarakat Islam pada waktu itu perlu dinilai semula kerana dilakukan berasaskan budaya taklid.

Ulama islah cuba menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan kelemahan masyarakat Islam. Mereka melihat salah satu faktor penting yang menjadi punca kejatuhan umat Islam ialah kerana tidak mematuhi ajaran Islam yang sebenarnya. Sebahagian besar umat Islam melakukan perkara-perkara yang jelas bercanggah dengan ajaran Islam disamping memperkecilkan perkara-perkara yang disuruh oleh agama. Golongan ini berkeyakinan bahawa agama tidak menjadi penyebab kepada kemunduran orang-orang Islam.<sup>197</sup>

Dalam menangani persoalan ini sudah tentu memerlukan akal fikiran yang kritis seperti yang disebut oleh Muhammad Iqbal iaitu akal pemikiran yang tidak menerima secara prinsipnya sesuatu tanpa fakta dan hal tidak wajar diletakkan dalam ruang lingkup yang sempit.<sup>198</sup> Ia memerlukan kebebasan untuk melakukan ijtihad bagi memenuhi tajdid di dalam agama yang dijanjikan Allah menerusi hadis nabi s.a.w. Oleh sebab itu pemikiran yang menganggap pintu ijtihad sudah tertutup adalah tidak rasional lagi pada pandangan banyak pihak khususnya ulama islah yang memahami kesyumulan Islam.<sup>199</sup>

Para ulama islah tempatan amat teruja dengan perjuangan islah ulama Timur Tengah. Ini dapat dibuktikan apabila buah fikiran yang **dilontarkan** oleh mereka menerusi karya-karya sesungguhnya amat mempengaruhi pemikiran. Keadaan ini dapat disingkap dengan lebih mudah menerusi isu-isu yang diperjuangkan oleh reformis tempatan sama sepenuhnya dengan apa yang diperjuangkan oleh reformis Timur Tengah, antara isu yang diketengahkan oleh mereka pemurnian pemikiran orang-orang Melayu supaya dapat memahami persoalan agama dan kehidupan dengan seimbang.

---

<sup>195</sup> Syed Syeikh al-Hadi (1931), *Kitab Ugama Islam*. Pulau Pinang: Jelutong Press, h. 7.

<sup>196</sup> *Ibid.*, h. 25.

<sup>197</sup> Lihat misalnya "Menuntut Ketinggian Akan Anak-anak Negeri" *Al-Imam*, Bil. 1, Jil. 2, 12 Julai 1907, "Bukan sekali-kali Agama Islam itu sebab bagi kajatuhan Kaum Islam, tetapi hanya engkar Ketua-ketua Agama" *Al-Ikhwān*, Jil. 5, Bil. 3, 16 Nov. 1930, h. 65.

<sup>198</sup> Muhammad Iqbal (1968), *Tajdid al-Tafkir al-Dini fi al-Islam*, `Abbas Mahmud (terj.), c.2, Kaherah: Lajnah al-Ta'lif wa al-Tarjamah wa al-Nasyr, h. 13.

<sup>199</sup> Abdul Hayy Abdul Syukur (1994), "Ijtihad Perlu Beroperasi Sepenuhnya Dalam Abad Ini", *Utusan Zaman*, 30 Oktober 1994.

## Memurnikan Pemikiran Orang-Orang Melayu

Perjuangan ulama islah dalam usaha memurnikan pemikiran orang-orang Melayu berkaitan agama dan kehidupan adalah titik awal yang **merubah** latar belakang hidup beragama, ber sosio budaya dan adat resam yang mendokong **jati diri** orang-orang Melayu. Mereka memperkenalkan ajaran Islam berdasarkan sumber al-Quran dan al-Hadis dengan mengambil kira kepentingan kehidupan duniawi. Menyuru masyarakat supaya kembali kepada ajaran Islam yang sebenar disamping menerima pengetahuan dan ilmu yang bermanfaat dari barat.

Perubahan yang cuba dibawa oleh ulama islah adalah apabila mereka mengemukakan satu tafsiran baru tentang konsep ibadah yang progresif. Hal ini tidak membawa pengertian yang sempit dan stereotype yang menjurus hanya kepada ibadah solat, puasa, zakat, zikir, ibadah nikah kahwin dan yang seumpama dengannya. Sebaliknya konsep ibadah itu diperluaskan ruang lingkungannya sehingga merangkumi segenap aspek dan cara hidup duniawi dan ukhrawi. Lantaran itu Za'ba dengan idea islahnya melihat Islam dengan cara yang sebenar serta teliti sebagai satu keperluan.<sup>200</sup> Malah menyalahafsirkan ajaran Islam daripada pengertian yang sebenar dianggap satu kesilapan yang memusnahkan kehidupan orang-orang Islam.<sup>201</sup> Isu salah faham terhadap ajaran Islam seperti malas berkerja, cuai memikul amanah, berpecah belas dan salah tanggapan terhadap persoalan Qada' dan Qadar akhirnya membawa orang-orang Melayu kelembah kehinaan.<sup>202</sup>

Barisan ulama islah seperti Syaykh Tahir Jalaluddin dalam menangani persoalan ini mengemukakan beberapa pandangan dan teguran. Menerusi artikelnya yang berjudul "*Kai Tataqaddama Ummatul Malayu*" (Supaya Bangsa Melayu Maju), beliau menegur sikap orang-orang Melayu yang selalu terikut-ikut dengan sesetengah amalan orang-orang Arab yang negatif. Mereka disaran supaya meninggalkan adat-adat yang tidak menguntungkan seperti memandang rendah kepada sesetengah pekerjaan. Manakala dalam sebuah rencana yang berjudul "*Rubu'l-Akhir al-Safar*" beliau mengkritik sikap dan kepercayaan orang Melayu yang menganggap hari rabu akhir Safar itu sebagai hari turun bala. Namun begitu kedua-dua rencana ini yang ditulis dalam bahasa Arab tidak sempat diterbitkan.<sup>203</sup>

Salah faham orang-orang Melayu terhadap konsep Qada' dan Qadr yang dikaitkan dengan pepatah Melayu "Rezeki secupak tidak akan menjadi segantang" diberi perhatian. Perbahasan tentangnya dimuatkan dalam majalah *Al-Imam* **menerusi artikel bertajuk "Kadza dan Kadar"**.<sup>204</sup> Ia juga dibahaskan oleh Zainal Abidin bin Ahmad menerusi

<sup>200</sup> Adnan Nawang (1998), *Za'ba dan Melayu*, Kuala Lumpur: Berita Publishing, h. 58.

<sup>201</sup> *Ibid.*, h. 68.

<sup>202</sup> William R. Roff (1967), *op.cit.*, h. 57.

<sup>203</sup> *Ibid.*

<sup>204</sup> *Al-Imam*, Bil. 3, Jil. 1, 19 September 1906, h. 74-76. Menurut Hamka tulisan ini adalah terjemahan daripada artikel yang terdapat di dalam majalah *al-'Urwah al-Wuthqa*. Lihat Hamka (t.t), *op.cit.*, h. 92-93.

karya terjemahan berjudul *Pendapatan Perbahasan Ulama Pada Kejadian Perbuatan dan Perusahaan Hamba*.<sup>205</sup> Dijelaskan bahawa kejayaan manusia dalam dunia sebenarnya berpunca dari usaha dan ikhtiarnya. Konsep Qada' dan Qadr bukan bererti menyerah kepada takdir semata-mata tanpa berusaha dan bekerja. Mereka merungkai kekeliruan itu dan menjelaskan bahawa Islam tidak mengajar bahawa semua perkara yang berlaku kepada manusia adalah ketentuan mutlak dari Allah.

Ulasan tentang persoalan Qada' dan Qadar yang dikupas Za'ba dilihat oleh sesetengah pihak terpengaruh dengan pemikiran muktazilah yang menyebabkan karya itu pernah diharamkan di negeri Perak.<sup>206</sup> Namun jika diamati ia menggambarkan niat dan hasrat besar beliau menggesa umat Melayu yang sedang lena dibuai mimpi sedangkan bangsa lain sudah berupaya mendapat faedah daripada kemajuan yang berlaku pada pada waktu itu. Umat Islam dikejutkan daripada lena yang panjang dan disarankan supaya bangkit berusaha, bekerja keras dan memaksima sepenuhnya daya atau punca sebab dan musabbab bagi mengeluarkan diri mereka daripada belenggu kemiskinan.

Menerusi kefahaman tentang konsep Qada' dan Qadar yang dikupas oleh ulama islah seperti Syaykh Tahir Jalaluddin, Za'ba dan tokoh-tokoh lain, pasti akan memberi satu tanggapan baru terhadap pepatah Melayu "rezeki secupak tidak akan menjadi segantang". Percaya kepada Qada' dan Qadar dengan kefahaman yang sebenar tidak sepatutnya mengongkong seseorang Islam untuk bekerja keras untuk maju dan mencipta kejayaan, malah doktrin itu menyebabkan umat Islam lebih berusaha, kreatif dalam erti kata rezeki secupak boleh dilipatgandakan menjadi bergantung-gantang setelah disusuli dengan usaha, ikhtiar atas nama sebab dan musabbab.

Menurut Za'ba, salah tanggapan tentang persoalan ini antara punca yang memundurkan orang-orang Melayu dalam pelbagai aspek. Ajaran Islam tidak difahami oleh orang-orang Melayu, kerana itulah mereka berada dalam serba serbi lemah.<sup>207</sup> Justeru, perkara ini diberi perhatian supaya orang-orang Melayu tidak menyerah secara pasif kepada apa yang berlaku dan beranggapan ianya adalah ketentuan Ilahi. Sebaliknya ditekankan bahawa seseorang muslim hendaklah sentiasa menjalankan kegiatannya sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah, malah mereka bertanggungjawab kepada setiap perbuatannya dan juga kepada setiap perkara yang memberi kepentingan kepada masyarakat. Jika kegagalan yang dihadapi, maka kegagalan itu dianggap sebagai kegagalan dirinya sendiri yang tidak boleh dielak. Fenomena ini dijelaskan oleh al-

---

<sup>205</sup> *Pendapatan Perbahasan Ulama Pada Kejadian Perbuatan dan Perusahaan Hamba* adalah sebuah karya yang diterjemah daripada *Syarh 'Aqa'id al-Safarini*. Ia diusahakan oleh Zainal Abidin bin Ahmad dan diedit oleh Muhammad Tahir Jalaluddin. Dicitak di Jelutong Press dan cetakan pertama dibuat pada tahun 1934. Lihat Zainal Abidin bin Ahmad (1934), *Pendapatan Perbahasan Ulama Pada Kejadian Perbuatan dan Perusahaan Hamba*, Pulau Pinang: Jelutong Press, halaman kulit, pendahuluan dan h. 1.

<sup>206</sup> Abdullah Hussain, Khalid M. Hussain (2000), *Pendeta Za'ba Dalam Kenangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 135.

<sup>207</sup> Adnan Hj. Nawang (1994), *Za'ba Patriot dan Pendeta Melayu*, Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu, h. 150.

Qur'an, maksudnya: "Sesungguhnya Allah tidak mengubah nasib manusia, tetapi manusia sendiri yang perlu mengubahnya"<sup>208</sup>

Nasib dan masa depan orang-orang Melayu amat berkait dengan kemantapan intelektual, lantaran itu akal perlu dimantapkan dan dioptimalkan penggunaannya. Justeru, Za'aba menganjurkan **penggunaan** akal secara maksimum bagi menghasilkan buah fikiran yang bernas dan menggesa ilmuan berijtihad dan sama sekali menolak taklid buta yang membawa masyarakat Islam ke lembah kemunduran.<sup>209</sup>

Pemikiran islah ini mempunyai kesinambungannya dan terus diperjuangkan oleh ulama islah. Ini terbukti apabila rencana seperti *Kadza dan Kadar* diterbitkan semula oleh Sayyid Syaykh al-Hadi di dalam *al-Ikhwān*,<sup>210</sup> malah idea-idea islah banyak dimuatkan dalam majalah-majalah islah yang lain, seperti *Semangat Islam*, *Saudara*, *Bumiputera* yang diterbitkan di Pulau Pinang.<sup>211</sup> Manakala di Kelantan idea-idea islah dimuatkan dalam majalah *Pengasuh*.<sup>212</sup>

Para ulama islah amat vokal **terhadap** amalan orang-orang Melayu yang dilihat tidak selari dengan ajaran Islam, contohnya Sayyid Syaykh al-Hadi semasa mengupas Tafsiran surah al-Fatihah<sup>213</sup> beliau menjelaskan kekecewaannya terhadap penyalahgunaan ayat-ayat al-Qur'an oleh orang-orang Islam yang menjadikannya sebagai azimat untuk menghalau jin dan syaitan. Begitu juga tindakan sebahagian dari kalangan mereka yang bersorak dan bertepuk tangan apabila mendengar ayat-ayat al-Qur'an yang dibaca dengan alunan merdu para qari. Persoalan seperti ini diberi perhatian kerana ini menjadi sebahagian daripada faktor yang menjauhkan umat Islam daripada memahami kandungan al-Qur'an.<sup>214</sup>

Terjemahan *Tafsir al-Fatihah* yang dihasilkan oleh Sayyid Syaykh al-Hadi diterbitkan pada tahun 1928M setebal 127 halaman.<sup>215</sup> Karya ini mengandungi huraian dan tafsiran penting *Surah al-Fatihah* yang dikemukakan dengan gaya penulisan yang rasional, logik

---

<sup>208</sup> Surah al-Ra`d: 10.

<sup>209</sup> Pendeta Za'aba (1992), *Mencapai Ketinggian Dunia Akhirat*, Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka, h. 132.

<sup>210</sup> Lihat "Kadza dan Kadar" dalam *Ikhwān*, Penggal. 3, jil. 1, 16 November 1926, h. 45-47, dan Penggal 4, jil. 1, 16 December 1926, h. 69-71.

<sup>211</sup> N.J.Ryan (1969), *The Making of Modern Malaysia and Singapore*, h. 210.

<sup>212</sup> Mohd Sarim Hj. Mustajab (1977), "Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki: Pelopor gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu", *op.cit.*, vol. xx, no. 2, 1977, h. 7.

<sup>213</sup> Terjemahan *Tafsir al-Fatihah* yang dihasilkan oleh Sayyid Syaykh al-Hadi diterbitkan pada tahun 1928M setebal 127 halaman.<sup>213</sup> Karya ini mengandungi huraian dan tafsiran penting *Surah al-Fatihah* yang dikemukakan dengan gaya penulisan yang rasional, logik dan menarik dengan meninggalkan beberapa perbahasan yang tinggi supaya dapat difahami oleh golongan awam Melayu. Untuk tujuan itu, pengarang menokok nambah dengan memasukkan beberapa isu yang berlaku dalam masyarakat Melayu.

<sup>214</sup> Sayyid Syaykh al-Hadi (1928), *Tafsir al-Fatihah*, Pulau Pinang: Jelutung Press, h. 21-24.

<sup>215</sup> Sayyid Syaykh bin Ahmad al-Hadi (1928), *Tafsir al-Fatihah*, Pulau Pinang: Jelutung Press, h. 1-2.

dan menarik dengan meninggalkan beberapa perbahasan yang tinggi supaya dapat difahami oleh golongan awam Melayu. Untuk tujuan itu, pengarang menokok nambah dengan memasukkan beberapa isu yang berlaku dalam masyarakat Melayu seperti penyalahgunaan ayat-ayat al-Qur'an dalam perubatan, menjadikannya sebagai azimat untuk menghalau jin dan syaitan. Malah tindakan bersorak riang dan bertepuk tangan apabila mendengar ayat-ayat al-Qur'an yang dibaca dengan alunan merdu turut dikemukakan dalam karya terjemahan ini. Hal ini diberikan perhatian kerana tindakan itu dilihat menjadi sebahagian daripada faktor yang menjauhkan umat Islam daripada memahami kandungan al-Qur'an.<sup>216</sup>

Pandangan kritis Sayyid Syaykh al-Hadi diberi pujian oleh Talib Samat, malah menurut pengamatan beliau, pandangan seperti itu dapat membantu masyarakat Melayu yang sedang dilanda kemelut penderitaan batin akibat penjajahan barat dapat membangunkan kembali jiwa dan pemikiran mereka tentang ajaran-ajaran Islam yang sebenar. Ia mampu mencelikkan mata hati umat Islam akan kebesaran Allah di alam maya ini.<sup>217</sup> Keterangan di atas dengan jelas menggambarkan usaha gigih ulama islah tempatan memberi kefahaman kepada umat Islam memahami ajaran al-Quran.

## Kesimpulan

Beberapa idea islah dalam isu agama yang dikemukakan oleh ulama islah di Malaysia pada awal abad ke 20 kelihatan amat selari dengan aliran islah yang berlaku di Timur Tengah. Oleh yang demikian tidak terlalu sukar untuk ditegaskan bahawa apa yang dikemukakan oleh mereka adalah hasil daripada pengaruh yang diterima daripada idea tajdid yang diperjuangkan oleh *mujaddid* Timur Tengah<sup>218</sup> samada secara langsung menerusi perguruan dengan tokoh-tokoh tersebut seperti yang dialami oleh Syaykh Tahir Jalaluddin, Sayyid Syaykh al-Hadi dan lain-lain atau secara tidak langsung menerusi tulisan-tulisan mereka yang disebarkan menerusi buku dan majalah-majalah yang tersebar di Malaysia. Pemikiran islah yang diperjuangkan ini tersebar dengan meluas khususnya kepada guru-guru sekolah agama dan masyarakat Islam **amnya**.<sup>219</sup>

Ulama islah menggunakan pelbagai pendekatan bagi menjalankan misi islahnya membentuk intelektual dan jati diri orang-orang Melayu. Justeru mereka menggunakan sepenuhnya peluang yang ada untuk mencapai objektif perjuangannya. Keyakinan

---

<sup>216</sup> Sayyid Syaykh al-Hadi (1928), *Tafsir al-Fatihah*, Pulau Pinang: Jelutong Press, h. 21-24.

<sup>217</sup> Talib Samat (1992), *op.cit.*, h. 65-66.

<sup>218</sup> Sayyid Muhammad Rasyid Rida banyak mengupas persoalan ini dalam *Tafsir al-Manar* dan persoalan ini juga diperkatakan oleh ulama yang sealaran dengannya seperti al-Amir Syakib Arslan menerusi karya *Limadha Ta'akkara al-Muslimun wa limadha Taqaddama Ghayruhum* (Kenapa umat Islam mundur dan kenapa pula umat lain maju) Karya ini disunting oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida sendiri. Lihat al-Amir Syakib Arslan (t.t), *Limadha Takhkhara al-Muslimun wa limadha Taqaddama Ghayruhum*, Kaherah: Dar al-Basyir li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi`.

<sup>219</sup> Maymon Arif (1973), "Kegiatan Politik Melayu tahun 1930an" dalam *Jebat*, Bil. 3/4 h. 93.

mereka adalah kefahaman yang betul tentang hal-hal agama adalah asas yang akhirnya dapat membentuk kehidupan yang sempurna.

## **Bibliografi**

- Al-Raghib al-Asfahani (t.t). *al-Mufradat fi Gharib al-Qur'an*. Mesir: al-Maktabah al Tawfiqiyyah.
- Al-Amir Syakib Arslan (t.t). *Limadha Takhhara al-Muslimun wa limadha Taqaddama Ghayruhum*. Kaherah: Dar al-Basyir li al-Tiba`ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi`.
- Abdul Halim Ahmad. 1984. "Pendidikan Islam di Kelantan". Dlm. Khoo Kay Kim (ed.) *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.
- Abdul Aziz Mat Ton. 2001. *Politik al-Imam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. 1998. *Pemikiran Islam di Malaysia Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adnan Hj. Nawang. 1994. *Za'ba Patriot dan Pendeta Melayu*. Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu.
- Adnan Nawang. 1998. *Za'ba dan Melayu*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Abdul Aziz Mat Ton. 2001. *Politik al-Imam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Bakar Hamzah. 1993. "Aspek Politik Gerakan Fundamental Islam di Malaysia pada 1906-08". *Tamadun Melayu*.
- Aboebakar Atjeh. 1970. *Salaf Muhji Atsaris Salaf, Salaf Muhji Atsaris Salaf Gerakan Salafijah di Indonesia*. Djakarta: Penerbit Permata.
- Abdul Halim El-Muhammady. 1982. *Pengaruh Madhhab Shafi'i dan Masalah Kaum Muda di Malaysia*. T.T.P: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah.
- Abdullah Hussain, Khalid M. Hussain. 2000. *Pendeta Za'ba Dalam Kenangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hayy Abdul Syukur. 1994. "Ijtihad Perlu Beroperasi Sepenuhnya Dalam Abad Ini". dlm. *Utusan Zaman*, 30 Oktober 1994.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. 1989. *Gerakan Islah di Perlis Sejarah dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn Bhd.



- C.C. Adams. 1933. *Islam and Modernism in Egypt*. London: Oxford University Press.
- Deliar Noer. 1973. *The Modernist Muslim Movement in Indonesia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ensiklopedi Islam*, Jil. 4, Jakarta: Pt Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Hamed Mohd Adnan. 2002. *Direktori Majalah-Majalah Melayu Sebelum Merdeka*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hamka. 1967. *Ajahku*. Jakarta: Penerbit Djajamurni.
- Ibn Manzur (t.t). *Lisan al-Arab*. jld. 4, Beirut: Dar al-Ma`arif.
- Ibrahim bin Abu Bakar. 1994. *Islamic Modernism in Malaya*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Joginder Singh Jessy. *Sejarah Tanah Melayu 1400-1959*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Sarim Mustajab. 1977. "Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki: Pelopor gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu". dlm. *Malaysia in History*, vol. xx, no. ii, Disember 1977.
- Majalah *Al-Imam*. dlm. *Al-Imam*, Bil. 9, Jil. 2, 5 Mac 1908, hlm. 291-293.
- Malaya*, Bil. 1, Tahun 3, Mac 1931.
- M. S. Muhammad. 1950. "al-Azhar Kiblat Pengajaran Dunia Islam". *Qalam*, Bil. 4, November.
- Mohd. Sarim Hj. Mustajab. 1978. "Satu Nota Tentang Haji Abbas b. Mohd Taha", *Malaysia in History*. Vol. xxi, no. 1, Jun.
- Mohd. Sarim Hj. Mustajab. 1977. "Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki: Pelopor gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu". dlm. *Malaysia in History*, vol. 20, no. ii, Disember.
- Mohd Thani Ahmad. 1991. "Al-Imam", dalam *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Radzi Othman et. al. 1996. *Gerakan Pembaharuan Islam, Satu Kajian di Negeri Perlis dan Hubungannya dengan Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

- Mohd. Sarim Hj. Mustajab. 1977. "Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki: Pelopor gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu". dlm. *Malaysia in History*, vol. xx, no. ii, Disember.
- Mohd Nor bin Ngah. 1983. *Kitab Jawi: Islamic Thought of The Malay Muslim Scholars*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Muhammad Rashid Rida. 1953. *Wakil Rakyat Dalam Islam*, Abdullah Basmeh et. al (terj.), Singapore: Qalam.
- Peter Riddell. 2001. *Islam and the Malay Indonesian World*. Singapore: Horizon Books.
- Muhammad Rasyid Rida. 1977. *Wahyu Allah Kepada Muhammad*, M.Hashem (terj.). Surabaya: Balai Buku Surabaya.
- Muhammad Rashid Rida. 1986. *Wahyu Suci Kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW*. Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.
- Muhammad Rashid Rida. 1986. *Panggilan Islam Terhadap Wanita*, Afif Mohammad (terj.). Bandung: Penerbitan Pustaka.
- Muhammad Iqbal. 1968. *Tajdid al-Tafkir al-Dini fi al-Islam*, `Abbas Mahmud (terj.). cetakan ke-2. Kaherah: Lajnah al-Ta`lif wa al-Tarjamah wa al-Nasyr.
- Maymon Arif. 1973. "Kegiatan Politik Melayu tahun 1930an". dlm. *Jebat*, Bil.3/4: 93.
- Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Hassan. 1983. *Islam di Kelantan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- N.J Ryan. 1969. *The Making of Modern Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Rasyid Rida. 1932. *Khulashah al-Sirah al-Muhammadiyah-Hakikat Seruan Islam*, Muhammad Basyuni `Imran (terj.). Singapura: al-Matba`ah al-Ahmadiyyah.
- Sayyid Moh. Rasyid Ridla (t.t). *Tafsir Surah AlFatihah*. Musa Mahmud (terj.). Bandung: Pt. AlMa`arif.
- Syaykh Tahir Jalaluddin. 1906. "Surat Terbuka kepada Segala Ulama", dlm. *Al-Imam*, Bil. 1, Jil. 1, 23 Julai.
- Syed Syeikh al-Hadi. 1931. *Kitab Ugama Islam*. Pulau Pinang: Jelutong Press.
- Pendeta Za'aba. 1992. *Mencapai Ketinggian Dunia Akhirat*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.

Radzi Othman et. al. 1996. *Gerakan Pembaharuan Islam, Satu Kajian di Negeri Perlis dan Hubungannya dengan Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Sayyid Syaykh al-Hadi. 1928. *Tafsir al-Fatihah*. Pulau Pinang: Jelutong Press.

Surat persendirian Syaykh Tahir Jalaluddin di Arkib Negara, Senarai SP Sheikh Tahir SP 10/E-6, 675, 677, 690, 698, 715, 716, 719, 758, 759 & 788.

Syamsu As, H Muhammad. 1999. *Ulama Pembawa Islam di Indonesia dan Sekitarnya*. Jakarta: Lentera.

Talib Samat. 1992. *Syed Syeikh al-Hadi Sasterawan Progresif Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

William R. Roff. 1967. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Zainal Abidin bin Ahmad. 1934. *Pendapatan Perbahasan Ulama Pada Kejadian Perbuatan dan Perusahaan Hamba*. Pulau Pinang: Jelutong Press.